

Headline	Jemaah haji terguris		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,6	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	576 cm <sup>2</sup>
Journalist	Amin Ridzuan Ishak	AdValue	RM 19,855
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,566



## TUN M SIFATKAN INDIVIDU DITAJA YAYASAN 1MDB TIDAK DAPAT HAJI MABRUR

# Jemaah haji terguris

Peserta Program Khas Haji Perdana Menteri–Yayasan 1MDB sedih dengan kenyataan Dr Mahathir kerana memperlekehkan ibadat mereka dalam menunaikan Rukun Islam kelima

→ **Ms.6**

**DAKWAAN INDIVIDU DITAJA YAYASAN 1MDB TAK DAPAT HAJI MABRUR**

# Jemaah haji kecewa, terguris kenyataan Dr M

➔ PM lakukan usaha murni bantu rakyat miskin laksana ibadah di Tanah Suci

**Oleh Amin Ridzuan Ishak dan Khairul Azran Hussin**

bhnews@bh.com.my

► **Pekan**

**K**ecewa dan terguris. Itu perasaan jemaah haji dibiayai menerusi Program Khas Haji Perdana

Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) susulan kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa mereka tidak mendapat haji mabrur.

Mereka mendakwa kenyataan itu seperti memperlekehkan ibadat mereka dalam menunaikan rukun Islam kelima itu dan pemilihan mereka yang dibuat berdasarkan kepada sumba-

ngan kepada masyarakat serta agama.

Imam Masjid At-Taqwa, Pekan, Azhar Mat Nawī, berkata

Headline	Jemaah haji terguris		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,6	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	576 cm <sup>2</sup>
Journalist	Amin Ridzuan Ishak	AdValue	RM 19,855
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,566

beliau kecewa dengan kenyataan berkenaan kerana pemergian mereka ke Tanah Suci Makkah adalah atas jemputan Allah serta keizinan-Nya dan lebih istimewa secara percuma.

#### **PM lakukan usaha murni**

“Bukan semua berpeluang menjadi tetamu Allah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melakukan usaha murni dengan menyediakan program berkenaan terutama kepada kami yang kurang berkemampuan dari segi kewangan dengan pada masa sama menghargai sumbangan pemimpin masyarakat dan agama,” katanya yang menunaikan ibadat haji menerusi Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1MDB pada 2012.

Pengerusi Persatuan Ketua-ketua Kampung Daerah Pekan, Abdul Kadir Bakar, bersetuju dengan kenyataan Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria bahawa manusia tidak berhak menentukan haji seseorang itu

mabrur atau sebaliknya kerana ia terletak sepenuhnya kepada Allah SWT.

“Hanya Allah SWT tahu, Alhamdulillah kami yang pergi ini (menunaikan haji menerusi Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1MDB) dapat menunaikan ibadat dengan lancar dan tiada sebarang rasa syak wasangka,” katanya yang ke Makkah pada 2011 iaitu tahun pertama program itu dilaksanakan.

Bagi Penyelia TADIKa Islam Baitul Rahah, Mohd Zulkifli Mohamed, yang dilantik sebagai urus setia Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1MDB, berkata dia sedih dengan kenyataan Dr Mahathir itu yang dilihat memperlekehkan usaha murni untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan menunaikan haji.

“Pengalaman menjadi urus setia dalam membantu jemaah haji membolehkan saya melihat sendiri wajah kesyukuran pesertanya, ada yang tiada

akaun Tabung Haji dan benar-benar miskin... kalau hendak harapkan gaji sendiri memang tidak mencukupi sampai bila-bila,” katanya.

#### **Mahu program diteruskan**

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Ketapang Hilir, Abdul Halim Abdul Rahman, berkata beliau mahu supaya program memberi manfaat itu diteruskan pada masa depan kerana ia memberi peluang kepada golongan kurang berkemampuan untuk menunaikan haji.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu dalam

ceramahnya di Taman Wira Mergong, Alor Setar, Kedah, baru-baru ini, dilapor menyifatkan orang yang melaksanakan ibadat haji menerusi tajaan Yayasan 1MDB, tidak akan mendapat haji mabrur.

Di **Shah Alam**, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKKP)

Kampung Sungai Gulang-Gulang, Kuala Selangor, Selangor, Towhid Mockthi, berkata individu yang mendakwa jemaah Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1MDB, tidak dapat haji mabrur, pasti akan ditahan jika berada pada zaman pentadbiran Dr Mahathir.

“Saya tunaikan haji pada 2016 dan semua jemaah lain yang pergi bersama-sama sudah pasti turut terguris. Adakah Tun (Dr Mahathir) boleh tahu jasad saya ini diterima atau tidak di bumi Makkah?”

“Siapa Tun untuk berkata begitu? Hebat sangatkah Tun sampai boleh cakap begitu kepada saya dan jemaah lain?”

“Secara peribadi saya lihat Tun bebas bercakap sekarang ini. Kalau dahulu, semua orang Tun humber ke dalam ISA (Aktu Keselamatan Dalam Negeri), termasuk Zahid (Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi),” katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Headline	Jemaah haji terpuris		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,6	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	576 cm <sup>2</sup>
Journalist	Amin Ridzuan Ishak	AdValue	RM 19,855
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,566

 <p><b>Bukan semua berpeluang menjadi tetamu Allah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melakukan usaha murni dengan menyediakan program berkenaan terutama kepada kami yang kurang berkemampuan dari segi kewangan dengan pada masa sama menghargai sumbangan pemimpin masyarakat dan agama”</b></p> <p><b>Azhar Mat Nawi,</b> Imam Masjid At-Taqwa, Pekan</p>	 <p><b>Hanya Allah tahu, Alhamdulillah kami yang pergi ini (menunaikan haji menerusi Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1MDB) dapat menunaikan ibadat dengan lancar dan tiada sebarang rasa syak wasangka”</b></p> <p><b>Abdul Kadir Bakar,</b> Pengerusi Persatuan Ketua-ketua Kampung Daerah Pekan</p>	 <p><b>Pengalaman menjadi urus setia dalam membantu jemaah haji membolehkan saya melihat sendiri wajah kesyukuran pesertanya, ada yang tiada akaun Tabung Haji dan benar-benar miskin... kalau hendak harapkan gaji sendiri memang tidak mencukupi sampai bila”</b></p> <p><b>Mohd Zulkifli Mohamed,</b> Penyelia TADIKA Islam Baitul Rahah</p>
--	---	---